

12 SEP 2003

Bajet-Kesihatan

KONSEP "PRIVATE COMMERCIAL WINGS" UNTUK KEKALKAN DOKTOR DI HOSPITAL
KERAJAAN

KUALA LUMPUR, 12 Sept (Bernama) -- Kerajaan akan memperkenalkan konsep "private commercial wings" (cabang komersial swasta) di hospital kerajaan bagi membolehkan doktor yang sedang berkhidmat mendapat imbuhan setimpal dan mengekalkan mereka berkhidmat dengan kerajaan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata konsep itu diperkenalkan kerana kerajaan tidak dapat membayar gaji yang tinggi kepada pakar perubatan.

Ketika membentangkan Bajet 2004 di Dewan Rakyat hari ini, beliau berkata kerajaan juga telah membina hospital yang dilengkapi peralatan canggih dan moden untuk membolehkan orang ramai yang memerlukan rawatan lebih baik dengan kos berpatutan mendapatkan perkhidmatan di hospital itu dan ia juga boleh mempromosikan hospital kerajaan di luar negara, selaras dengan objektif menggalakkan "pelancongan berasas kesihatan".

Bagi mempertingkatkan perkhidmatan kesihatan dan perubatan, Dr Mahathir berkata kerajaan akan memperuntukkan RM9 billion, peningkatan 20.5 peratus daripada peruntukan tahun lepas.

Daripada jumlah itu sebanyak RM6.4 billion adalah untuk perbelanjaan mengurus dan RM2.6 billion untuk perbelanjaan pembangunan.

Katanya, peruntukan itu akan disalurkan bagi membiayai perkhidmatan rawatan perubatan yang penting seperti unit dialisis, unit rawatan intensif serta program untuk mengurangkan morbiditi dan mortaliti di kalangan kanak-kanak.

"Untuk meningkatkan aktiviti pengesanan dan pengawasan serta diagnosa penyakit berjangkit seperti SARS, batuk kering, kusta dan denggi, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM3 juta," katanya.

Bagi meringankan perbelanjaan perubatan, kerajaan turut menggalakkan industri insurans kesihatan memperluaskan liputan dengan menawarkan kos premium yang berpatutan dan mampu ditanggung oleh sebahagian besar rakyat.

Kerajaan juga mencadangkan duti import 10 peratus ke atas bahan kesihatan tambahan dimansuhkan dan memastikan harga ubat terpilih diberikan diskaun kepada pesara untuk penjagaan kesihatan rakyat, katanya.

"Walaupun wabak SARS telah berakhir, kita mesti terus berwaspada dan untuk itu kerajaan memperuntukkan sebanyak RM20 juta untuk menyegerakan pelaksanaan Centre for Disease Control (CDC), seperti yang diumumkan dalam Pakej Strategi Baru," katanya.

-- BERNAMA

ZMN AHH MAI